

PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL.1 TAHUN 2016

PENETAPAN HARI BEKERJA PADA 21 FEBRUARI 2016 (AHAD) KEPADA STAF  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Adalah dimaklumkan bahawa Pihak Pengurusan Universiti telah memutuskan 21 Februari 2016 (Ahad) sebagai hari bekerja kepada semua staf bagi menghadiri **Majlis Perasmian Kampus Utama UMP oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak**. Sehubungan dengan itu, semua staf diwajibkan hadir ke majlis perasmian tersebut seperti ketetapan berikut:-

Tarikh : 21 Februari 2016 (Ahad)  
Masa : 2.00 petang  
Tempat : Universiti Malaysia Pahang, Kampus Pekan

2. Berikutan daripada penetapan hari bekerja pada 21 Februari 2016 (Ahad), staf Universiti Malaysia Pahang adalah **diwajibkan** untuk **hadir bertugas mengikut peraturan waktu bekerja yang sedang berkuat kuasa**. Ketiadaan rekod *check-in* dan *check-out* (di Kampus Pekan) pada tarikh berkenaan akan dikira sebagai tidak hadir bertugas tanpa kebenaran Ketua Jabatan (AWOL).

3. Staf yang hadir bertugas dan mempunyai rekod *check-in* dan *check-out* pada 21 Februari 2016 (Ahad) adalah layak diberikan satu (1) hari cuti gantian dan boleh diambil pada bila-bila masa dalam tahun ini sahaja.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(ABD RAHMAN BIN HJ. SAFIE)  
Timbalan Pendaftar Kanan  
(Menjalankan Tugas Pendaftar)  
Universiti Malaysia Pahang  
Tarikh : 15 Februari 2016

**Edaran Kepada.:**

Penolong Naib Canselor (Jabatan Hal Ehwal Korporat & Kualiti (JHKK))

Penolong Naib Canselor (Jabatan Jaringan Industri & Masyarakat (JJIM))

Bendahari

Ketua Pustakawan

Penasihat Undang-Undang

Semua Dekan / Pengarah / Ketua Jabatan

**Salinan kepada.:**

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)